

1. Nyatakan **hukum** masalah-masalah berikut dan **alasannya dengan ringkas**.

[a] Salmah telah menyusukan Suhaimi. Abang Suhaimi ingin mengahwini anak perempuan Salmah yang sulung.

[10 markah]

[b] Nora telah ditalakkan suaminya dengan talak tiga. Setelah tamat 'iddah, Nora berkahwin dengan suami baru. Setelah berlakunya *khalwat* yang sah, suami kedua Nora menceraikannya. Nora ingin kembali berkahwin dengan bekas suami yang pertama.

[10 markah]

[c] Azman telah memberikan mahar awal kepada Noraini. Semasa tempoh pertunangan Noraini telah membatalkan hasratnya untuk mempersuamikan Azman. Azman menuntut ganti rugi mahar dan hadiah-hadiah yang telah diberikan semasa pertunangan.

[10 markah]

[d] Normah telah dinikahkan dengan Zain. Namun tidak disebutkan kadar mahar dalam akad.

[10 markah]

[e] Fatimah telah menghalang suami dari menyetubuhinya disebabkan suaminya belum menjelaskan maharnya.

[10 markah]

[f] David seorang kristian telah menganut Islam. Namun isterinya masih seorang kristian.

[10 markah]

[g] Farid telah menceraikan isterinya dalam keadaan suci tetapi setelah disetubuhinya.

[10 markah]

[h] Faiz menceraikan isterinya semasa haid.

[10 markah]

- [i] Selepas akad dengan Fauziah, Marwan menceraikannya sebelum *dukhul*. Marwan kemudiannya ingin mengahwini anak perempuan Fauziah.
- [10 markah]
- [j] Amin ingin meminang Masitah yang berada dalam *'iddah* wafat (kematian).
- [10 markah]
2. Hukum-hakam kekeluargaan yang diletakkan oleh Islam adalah demi memelihara kebaikan dan kemaslahatan manusia. Tujuan dan maksud hukum-hakam itu adalah sangat kukuh dan mantap.
- [a] Berikan gambaran ringkas bagaimanakah Islam memelihara keutuhan sistem kekeluargaan?
- [20 markah]
- [b] Sebutkan dan huraikan secara ringkas empat ciri wanita yang digalakkan untuk diperisterikan.
- [20 markah]
- [c] Apakah itu nusyuz dan bagaimanakah langkah-langkah mengatasinya?
- [20 markah]
- [d] Sebutkan empat kebaikan poligami dalam menjamin kebajikan suami atau isteri.
- [40 markah]
3. Wanita-wanita yang diharamkan berkahwin dengan mereka terbahagi kepada dua kumpulan; pertama: Yang diharamkan selamanya (*muabbadah*), kedua: Yang diharam sementara (*muaqqatah*).
- [a] Berapakah pecahan wanita yang diharamkan selamanya?
- [15 markah]
- [b] Nyatakan dengan huraian ringkas wanita yang diharamkan disebabkan nasab/keturunan.
- [35 markah]

- [c] Huraikan dengan ringkas wanita yang diharamkan disebabkan perkahwinan (مصاهرة), juga sebutkan dalam kumpulan manakah mereka berada?  
[30 markah]
- [d] Huraikan dengan ringkas empat wanita yang diharamkan sementara waktu.  
[20 markah]
4. Akad nikah mempunyai rukun dan syarat-syaratnya. Mahar juga mempunyai hukum dan tujuannya.
- [a] Apakah itu nikah dan apakah pula kesannya terhadap hak dan tanggungjawab suami isteri?  
[40 markah]
- [b] Jelaskan tujuan utama rukun dan syarat yang diletakkan dalam akad nikah dan sebutkan hanya empat syarat *sighah* akad nikah?  
[25 markah]
- [c] Nyatakan maksud mahar *mithil* (مئثل), bagaimanakah ia dikadarkan dan lima sebab diwajibkannya?  
[35 markah]
5. Talak dan 'iddah mempunyai hukum-hakamnya yang berfungsi memelihara kemaslahatan kehidupan manusia dalam sistem kekeluargaan.
- [a] Huraikan maksud talak *sunni*, *bid'i*, *bain bainunah sughra*, *bain bainunah kubra*.  
[40 markah]
- [b] Jelaskan bagaimanakah 'iddah kematian dan perceraian?  
[25 markah]